



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP

Tarikh: <dd/mm/yyyy>

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting mengenai insurans hayat anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **anda harus membacanya juga.**

1 Apakah RHB Alpha Future? (Ini adalah produk insurans)

RHB Alpha Future merupakan Pelan Bayaran Terhad Endowment Tanpa Penyertaan dalam Keuntungan dengan tempoh bayaran premium 8-tahun yang mengandungi Alpha Future Basic (Komponen Insurans) dan Alpha Future Enhancer (Komponen Pelaburan). Kedua-dua komponen ini mesti berkuatkuasa bersama supaya polisi ini berkuatkuasa. Pelan ini menawarkan perlindungan insurans selama 18 tahun. Ia membayar manfaat sekaligus apabila Orang yang Diinsuranskan meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) semasa polisi ini berkuatkuasa. Polisi ini juga memberi Bayaran Tunai Terjamin tahunan bermula daripada akhir tahun polisi 15.

2 Ketahui Perlindungan/ Manfaat anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 86,250.00** setiap tahun, anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut.

Manfaat Kematian	(a) 110% daripada jumlah premium Alpha Future Basic dibayar terkini; kurang jumlah Bayaran Tunai Terjamin yang dibayar terkini ATAU Nilai Tunai, yang mana lebih tinggi; tambah (b) Bayaran Tunai Terjamin yang terkumpul (jika ada); tambah (c) Nilai dana (jika ada) [#] [#] Nilai dana ditentukan berdasarkan hari penilaian pada tarikh pemberitahuan.															
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)	(a) 110% daripada jumlah premium Alpha Future Basic dibayar terkini; kurang jumlah Bayaran Tunai Terjamin yang dibayar terkini ATAU Nilai Tunai, yang mana lebih tinggi; tambah (b) Bayaran Tunai Terjamin yang terkumpul (jika ada); tambah (c) Nilai dana (jika ada) [#] [#] Nilai dana ditentukan berdasarkan hari penilaian pada tarikh pemberitahuan.															
Bayaran Tunai Terjamin (GCP)	<table><tr><th>Akhir Tahun Polisi</th><th>Peratusan daripada Jumlah Asas Yang Diinsuranskan</th><th>Jumlah (RM)</th></tr><tr><td>15</td><td>10.00%</td><td>50,000</td></tr><tr><td>16</td><td>15.00%</td><td>75,000</td></tr><tr><td>17</td><td>20.00%</td><td>100,000</td></tr><tr><td>18</td><td>25.00%</td><td>125,000</td></tr></table>	Akhir Tahun Polisi	Peratusan daripada Jumlah Asas Yang Diinsuranskan	Jumlah (RM)	15	10.00%	50,000	16	15.00%	75,000	17	20.00%	100,000	18	25.00%	125,000
Akhir Tahun Polisi	Peratusan daripada Jumlah Asas Yang Diinsuranskan	Jumlah (RM)														
15	10.00%	50,000														
16	15.00%	75,000														
17	20.00%	100,000														
18	25.00%	125,000														
Manfaat Kematangan	Bayaran sekaligus dengan RM 375,000 (iaitu 75% daripada Jumlah Asas yang Diinsuranskan) tolak hutang yang perlu dibayar; tambah (a) Bayaran Tunai Terjamin yang terkumpul (jika ada); dan (b) Nilai dana (jika ada) [#] [#] Nilai dana ditentukan berdasarkan hari penilaian pada tarikh pemberitahuan.															
Rider pilihan yang boleh dilampirkan untuk produk ini	• Payor Benefit Rider • Payor Shield Rider															

Insurans hayat anda **mengecualikan**:

- Bunuh diri dalam tempoh **1** tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana yang lebih kemudian.
- Keadaan sedia ada yang telah anda alami, atau mempunyai tanda-tandanya wujud, sebelum membeli pelan (e.g. keadaan perubatan).

Catatan: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Sila merujuk kontrak polisi untuk senarai penuh atas pengecualian di bawah polisi ini.

Jika anda mempunyai soalan atau memerlukan maklumat tambahan bagi insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-2603 3999



E-mel kami di:
customercare@tokiomarinelife.com.my



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk insurans hayat ini, anda mesti membayar premium sebanyak:				
Premium:		RM 86,250.00 setiap tahun		
Tempoh Perlindungan Polisi:		18 tahun		
Tempoh Bayaran Premium: 8 tahun				
Syarikat insurans memperuntukkan sebahagian daripada premium untuk memberi unit dalam dana pelaburan pilihan anda.				
Premium Alpha Future Enhancer dan Premium Tambahan Berkala (jika ada) diperuntukkan untuk membeli unit		Sila ambil perhatian bahawa jadual berikut diilustrasi dalam Mod Pembayaran Tahunan sahaja.		
		Tahun Polisi	Peratusan Peruntukan	Premium Peruntukan (RM)
		1 hingga 8	95%	16,387.50
		Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk maklumat lanjut.		
Anda juga harus membayar fi dan caj berikut:				
Caj Pengurusan Dana		Sehingga 1.50% setahun daripada aset dana anda, bergantung kepada pilihan dana anda.		
Komisen		4.75% dari premium atau RM 32,775, yang merupakan sebahagian daripada jumlah premium perlu dibayar.		
Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)		RM 0 setiap tahun		

4 Terma -terma yang lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan. - Nilai dana adalah tidak terjamin dan bergantung kepada prestasi dana-dana pelaburan yang dipilih. - Tempoh Tangguh - Anda diberikan tempoh tangguh sebanyak tiga puluh (30) hari bermula dari tarikh mesti bayar premium untuk membayar premium anda, di mana semasa tempoh ini, polisi anda masih berkuatkuasa. - Polisi Luput - Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, polisi anda akan luput melainkan polisi anda mempunyai nilai tunai, dan pembayaran manfaat pada masa hadapan mungkin dipengaruhi. - Notis Tuntutan - Notis bertulis mesti diberi kepada kami dalam tempoh masa 60 hari daripada tarikh kematian dan 6 bulan daripada tarikh HUMK. Sila rujuk laman web korporat kami untuk memahami prosedur tuntutan. - Alpha Future Basic dan Alpha Future Enhancer dalam RHB Alpha Future mestilah wujud bersama. Sebarang Penyerahan / Penamatan / Pengembalian semula terhadap mana-mana satu adalah tidak dibenarkan. - Pengeluaran separa - Anda boleh membuat pengeluaran separa daripada nilai dana bermula daripada tahun polisi ketiga dan seterusnya.	Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila merujuk kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat bagi polisi ini.
--	--

? Bolehkah anda membatalkan polisi anda?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan pemberitahuan bertulis kepada kami.

- Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan polisi anda melalui pemberitahuan bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari selepas penyerahan dokumen polisi kepada anda. Setelah pembatalan polisi, Premium Alpha Future Basic yang anda telah bayar, Premium Alpha Future Enhancer yang tidak diperuntukkan dan nilai dana, tolak sebarang yuran perubatan yang ditanggung akan dibayar balik kepada anda.
- Selepas Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan pada bila-bila masa dengan permintaan secara bertulis. Setelah pembatalan polisi, kami akan mengembalikan GCP terkumpul, nilai dana dan Nilai Tunai anda, kurang daripada sebarang hutang.

MAKLUMAT PENTING: MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG BENAR-BENAR SESUAI DENGAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI KONTRAK POLISI INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT. ALPHA FUTURE ENHANCER TERIKAT DENGAN PRESTASI ASET PELABURAN DAN BUKAN JENIS PRODUK PELABURAN TULEN SEPerti UNIT AMANAH SAHAM. ANDA MESTI MENILAI PILIHAN ANDA DENGAN TELITI DAN BERPUAS HATI BAHAWA DANA PELABURAN YANG DIPILIH DAPAT MEMENUHI KEPERLUAN RISIKO, DAN ANDA MAMPU MEMBAYAR PREMIUM SEPANJANG TEMPOH POLISI. PULANGAN DARI DANA PELABURAN ADALAH TIDAK DIJAMIN. Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT POLISI INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my) Pelan insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. [199801001430 (457556-X)], sebuah syarikat yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai rider anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **anda harus membacanya.**

1 Apakah Payor Benefit Rider? (Ini adalah produk insurans)

Payor Benefit Rider mengetepikan pembayaran semua premium polisi asas (termasuk premium tambahan, jika ada) dan premium rider, jika ada, mulai dari tarikh pembayaran premium seterusnya sehingga tamat tempoh pembayaran premium. Ia mengetepikan pembayaran semua premium jika pemilik polisi mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal sebelum umur 65 tahun, meninggal dunia atau didiagnos menghadapi mana-mana penyakit kritikal yang dilindungi oleh rider ini.

2 Ketahui Perlindungan/ Manfaat anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM 3,464.10 setiap tahun , anda akan menerima perlindungan insurans berikut.		
Manfaat Kematian Pemilik Polisi	Mengetepikan premium masa depan polisi (termasuk premium tambahan dan premium rider, jika ada) sehingga tamat tempoh rider.	
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) Pemilik Polisi	Mengetepikan premium masa depan polisi (termasuk premium tambahan dan premium rider, jika ada) sehingga tamat tempoh rider.	
Manfaat Penyakit Kritikal Pemilik Polisi	Mengetepikan premium masa depan polisi (termasuk premium tambahan dan premium rider, jika ada) sehingga tamat tempoh rider.	
Penyakit Kritikal yang <u>dilindungi</u> di bawah produk ini termasuk:		
1. Kanser		
2. Strok		
3. Serangan Jantung		
Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk penerangan yang lanjut mengenai Penyakit Kritikal yang Rider anda mengecualikan :		
- Bunuh diri dalam tempoh 1 tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana yang lebih kemudian. - Keadaan sedia ada yang telah anda alami, atau mempunyai tanda-tandanya wujud, sebelum membeli pelan (e.g. keadaan perubatan).		
Catatan: Senarai ini adalah tidak lengkap . Sila merujuk kontrak polisi untuk senarai penuh atas pengecualian di bawah polisi ini.		
Jika anda mempunyai soalan atau memerlukan maklumat tambahan bagi rider anda, anda boleh:		
 Hubungi kami di: 03-2603 3999  E-mel kami di: customercare@tokiomarinelife.com.my		



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP

3

Ketahui Kewajipan Anda

Untuk rider ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium:	RM 3,464.10 setiap tahun
Tempoh Perlindungan Polisi: 8 tahun	
Tempoh Bayaran Premium: 8 tahun	
Anda juga harus membayar fi dan caj berikut:	
Komisen	6.25% dari premium atau RM 1,732, yang merupakan sebahagian daripada jumlah premium perlu dibayar.
Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)	RM 0 setiap tahun

4

Terma- terma yang lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda bermungkin berisiko bahawa tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
 - Premium - kami berhak untuk menyemak kadar premium untuk komponen Penyakit Kritikal yang tidak terjamin pada tarikh ulang tahun polisi dengan memaklumkan anda tentang keputusan kami itu sekurang-kurangnya sembilan puluh (90) hari sebelum tarikh Ulang Tahun Polisi.
 - Tempoh Tangguh - Anda diberikan tempoh tangguh sebanyak tiga puluh (30) hari bermula dari tarikh mesti bayar premium untuk membayar premium anda, di mana semasa tempoh ini, rider anda masih berkuatkuasa.
 - Rider Luput - Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, rider anda akan luput, dan pembayaran manfaat pada masa hadapan mungkin dipengaruhi.
 - Tempoh menunggu:- Kelayakan untuk manfaat-manfaat rider ini hanya akan bermula:
 - (i) 60 hari selepas Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Rider ini, tertakluk kepada mana yang lebih kemudian, untuk Kanser (keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal), Pembedahan Pintas Arteri Koronari, Serangan Jantung (keterukan tertentu), dan Penyakit Arteri Koronari Serius;
 - (ii) 30 hari selepas Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Rider ini, tertakluk kepada mana yang lebih kemudian, untuk penyakit kritikal lain yang dilindungi.
 - Pemberitahuan Tuntutan - Pemberitahuan secara bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh kematian dan enam (6) bulan dari tarikh HUMK atau Penyakit Kritikal. Sila rujuk laman web korporat kami untuk memahami prosedur
- Catatan:** Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Sila merujuk kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat bagi polisi ini.

?

Bolehkah anda membatalkan polisi anda?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan pemberitahuan bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan polisi anda melalui pemberitahuan bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari selepas penyerahan dokumen polisi kepada anda. Setelah pembatalan polisi, premium rider yang anda telah bayar (tolak apa-apa bayaran perubatan yang tertanggung, jika ada) akan dikembalikan kepada anda.
- **Selepas Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan pada bila-bila masa dengan permintaan secara bertulis. Rider ini tiada nilai penyerahan jika anda membatalkan rider anda, perlindungan akan ditawarkan sehingga sehari sebelum tarikh mesti bayar premium yang seterusnya. Tiada bayaran balik premium untuk pembatalan selepas Tempoh Bertenang.

MAKLUMAT PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG BENAR-BENAR SESUAI DENGAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI KONTRAK POLISI INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Pelan insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. [199801001430 (457556-X)], sebuah syarikat yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP

Tarikh: <dd/mm/yyyy>

RISALAH PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Risalah Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai rider anda.

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; anda juga harus membacanya.

1 Apakah Payor Shield Rider? (Ini adalah produk insurans)

Payor Shield Rider merupakan rider tanpa penyertaan dengan tempoh bayaran premium terhad selama 8 tahun yang akan membayar jumlah diinsuranskan secara sekali gus jika Pemilik Polisi meninggal dunia atau mengalami Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) dalam tempoh perlindungan rider.

2 Ketahui Perlindungan/ Manfaat anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 3,725.00** setiap tahun, anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut.

Manfaat Kematian Pemilik Polisi	RM 500,000
Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) Pemilik Polisi	RM 500,000

Rider anda **mengecualikan**:

- Bunuh diri dalam tempoh **1** tahun dari Tarikh Dikeluarkan atau Tarikh Pengembalian Semula Polisi, mengikut mana yang lebih kemudian.
- Keadaan sedia ada yang telah anda alami, atau mempunyai tanda-tandanya wujud, sebelum membeli pelan (e.g. keadaan perubatan).

Catatan: Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Sila merujuk kontrak polisi untuk senarai penuh atas pengecualian di bawah polisi ini.

Jika anda mempunyai soalan atau memerlukan maklumat tambahan bagi rider anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
03-2603 3999



E-mel kami di:
customercare@tokiomarinelife.com.my



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk rider ini, anda mesti membayar premium sebanyak:	
Premium:	RM 3,725.00 setiap tahun
Tempoh Perlindungan Polisi: 18 tahun	
Tempoh Bayaran Premium: 8 tahun	
Anda juga harus membayar fi dan caj berikut:	
Komisen	6.25% dari premium atau RM 1,863, yang merupakan sebahagian daripada jumlah premium perlu dibayar.
Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST)	RM 0 setiap tahun

4 Terma- terma yang lain

- Anda mestilah mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda bermungkin berisiko bahawa tuntutan anda ditolak atau polisi ditamatkan.
 - Tempoh Tangguh - Anda diberikan tempoh tangguh sebanyak tiga puluh (30) hari bermula dari Tarikh Mesti Bayar Premium untuk membayar Premium Anda, dimana semasa tempoh ini, Rider Anda masih berkuatkuasa.
 - Rider Luput - Jika anda tidak membayar premium anda dalam tempoh tangguh, rider anda akan luput melainkan rider anda mempunyai nilai tunai, pembayaran manfaat pada masa hadapan mungkin dipengaruhi.
 - Notis Tuntutan: notis bertulis mesti diberi kepada kami dalam tempoh masa 60 hari daripada tarikh kematian dan 6 bulan daripada tarikh HUMK.
- Catatan:** Senarai ini adalah **tidak lengkap**. Sila merujuk kontrak polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat bagi polisi ini.

? Bolehkah anda membatalkan polisi anda?

Ya, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan pemberitahuan bertulis kepada kami.

- **Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan polisi anda melalui pemberitahuan bertulis kepada kami dalam tempoh 15 hari selepas penyerahan dokumen polisi kepada anda. Setelah pembatalan polisi, premium rider yang anda telah bayar (tolak apa-apa bayaran perubatan yang tertanggung, jika ada) akan dikembalikan kepada anda.
- **Selepas Tempoh Bertenang** - Anda boleh membatalkan pada bila-bila masa dengan permintaan secara bertulis. Rider ini tiada nilai penyerahan jika anda membatalkan rider anda, perlindungan akan ditawarkan sehingga sehari sebelum tarikh mesti bayar premium yang seterusnya. Tiada bayaran balik premium untuk pembatalan selepas Tempoh Bertenang.

MAKLUMAT PENTING:

MEMBELI POLISI INSURANS HAYAT MERUPAKAN KOMITMEN KEWANGAN JANGKA PANJANG. ANDA MESTILAH MEMILIH JENIS POLISI YANG BENAR-BENAR SESUAI DENGAN ANDA. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI KONTRAK POLISI INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. atau PIDM (layari

Pelan insurans ini ditaja jamin oleh Tokio Marine Life Insurance Malaysia Bhd. [199801001430 (457556-X)], sebuah syarikat yang berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

RHB Bank Berhad [196501000373 (6171-M)] ialah pengedar pelan insurans ini dan beralamat di RHB Centre, Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.